

# **Hubungan antara Perbelanjaan Kerajaan dan Indeks Kualiti Hidup Terhadap Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia**

Mohd Nazirulizzudin Lewat

Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: nazir.izzudin@gmail.com

## **Abstrak**

Kajian ini membincangkan implikasi hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan Indeks Kualiti Hidup (IKH) terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Peningkatan perbelanjaan kerajaan setiap tahun menunjukkan kerajaan terus komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang positif. Oleh itu, penekanan terhadap polisi dan objektif kerajaan juga dilihat penting dalam memastikan perbelanjaan kerajaan ini dapat meningkatkan kualiti

hidup masyarakat dan seterusnya memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi. Data siri masa yang digunakan mulai tahun 1980 sehingga 2010 merangkumi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), perbelanjaan kerajaan, modal tetap kasar, dan Indeks Kualiti Hidup Malaysia. Metodologi dalam menguji kepegunaan dan kejituhan hasil kajian adalah menggunakan ujian Unit Root, kointegrasi Johansen, dan sebab penyebab Granger. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan sebab penyebab satu arah antara perbelanjaan kerajaan, modal dan Indeks Kualiti Hidup terhadap pertumbuhan ekonomi.

**Kata kunci:** *Perbelanjaan Kerajaan, Indeks Kualiti Hidup, Modal, Pertumbuhan Ekonomi*

## 1. Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi perlu disuntik oleh beberapa elemen penting bagi memastikan ia terus berkembang dan mampan. Selari pada dasar kerajaan iaitu memastikan negara mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pastinya, usaha-usaha dan komitmen yang tinggi perlu digalas terutamanya pihak pembuat dasar atau kerajaan dalam merangka strategi-strategi dan polisi serta pelaksanaan yang berkesan bagi memastikan ekonomi terus tumbuh terutama pada tempoh yang kritikal seperti krisis kewangan, pergolakan antara negara mahu pun penurunan harga minyak mentah dunia. Hal ini demikian, pertumbuhan ekonomi akan memberi semula pulangan bukan sahaja pada pendapatan negara tetapi juga modal insan, kebajikan, dan pembangunan. Berdasarkan Laporan Ekonomi, pertumbuhan KDNK pada tahun 1980 sebanyak 8.08 peratus lebih tinggi jika dibandingkan 4.99 peratus pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2000 melihatkan kemerosotan apabila wujud krisis kewangan pada 1997 dan 1998 selepas ekonomi Malaysia pernah mencatatkan pertumbuhan KDNK yang tinggi di akhir 1980an sehingga pertengahan 1990an iaitu 11 hingga 14 peratus. Pada tahun 2006, kadar pertumbuhan negara mencatat 5.57 peratus dan meningkat pada tahun 2007 iaitu 6.31 peratus. Penurunan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.84 peratus pada tahun 2008 menunjukkan kadar pertumbuhan akaun semasa mempunyai hubungan yang negatif dengan kadar pertumbuhan ekonomi disebabkan kemerosotan ekonomi dunia yang lebih teruk yang mengakibatkan kejatuhan ketara dalam eksport negara. Oleh itu, beberapa pembolehubah dimasukkan dalam kajian ini bagi mengkaji hubungan yang boleh memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi selain faktor-faktor luar.

Pembolehubah yang ingin dilihat adalah perbelanjaan kerajaan iaitu sejahterananya perbelanjaan ini memberi kesan atau mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi negara. Elemen perbelanjaan kerajaan merupakan satu elemen yang penting bagi setiap negara di dunia ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara dapat ditingkatkan. Malaysia misalnya, perbelanjaan kerajaan ini telah menyumbang ke arah pengembangan kapasiti pengeluaran ekonomi terutamanya melalui pembangunan sumber manusia, kemajuan teknologi, penyediaan infrastruktur serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kerajaan juga memberi tumpuan kepada projek yang boleh menyokong strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta terutamanya dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi memenuhi keperluan ekonomi moden dan masyarakat yang semakin berkemampuan (Mohd Zainudin Saleh (2004) dan Rabiatul, Rahmah, Tamat (2013). Ia jelas bahawa, setiap

perbelanjaan dapat memberi kesan positif kepada pembangunan dalam negara dan sekaligus memberi pulangan semula kepada kadar pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan ini diperuntukkan kepada dua bahagian iaitu perbelanjaan semasa atau mengurus dan perbelanjaan pembangunan atau belanja modal. Secara keseluruhan, agihan perbelanjaan mengurus adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan pembangunan di Malaysia iaitu belanja mengurus sekitar 15-29 peratus dari KDNK manakala nisbah perbelanjaan pembangunan hanya sebanyak 6-11 peratus daripada KDNK (Norain, Md. Zyadi, dan Wook(2010). Pada tahun 1980, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM10,292 juta berbanding perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM7,470 juta pada tahun yang sama (Jabatan Penerangan Malaysia). Angka perbelanjaan ini telah meningkat saban tahun selaras matlamat dan keperluan jumlah penduduk yang semakin meningkat. Berdasarkan Jabatan Penerangan Malaysia, peningkatan ini dapat dibuktikan pada 10 tahun berikutnya iaitu pada tahun 1990 sebanyak RM25,026 bagi perbelanjaan mengurus dan RM10,689 bagi belanja modal. Sebanyak RM158,798 diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan belanja pembangunan sebanyak RM42,847 pada tahun 2008. Secara umumnya, perbelanjaan awam dilihat lebih bersifat *countercyclical*, yang bererti perbelanjaan kerajaan seringkali ditingkatkan dan menjadi instrumen bagi pemulihran ekonomi sewaktu kegawatan ekonomi, terutama jika kegawatan tersebut diiringi kadar pengangguran yang tinggi (Norain, Md. Zyadi, dan Wook:2010). Oleh itu, keseluruhan perbelanjaan ini secara asasnya memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya, elemen yang ingin melihat sejauhmana dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi adalah Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM). Menerusi kajian ini, indeks komposit digunakan berdasarkan purata keseluruhan indikator-indikator yang membentuk kepada 11 komponen dalam indeks ini. Kualiti hidup didefinisikan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan aspirasi negara (Laporan Kualiti Hidup Malaysia, 2011). Pertumbuhan ekonomi yang mampan perlulah seiring dengan kenikmatan yang boleh dirasai oleh masyarakat di sesebuah negara dan antaranya ialah 11 komponen yang ditetapkan dalam IKHM ini iaitu pendidikan, pengangkutan dan komunikasi, perumahan, kebudayaan dan liburan, perumahan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, kesihatan, penyertaan sosial, alam sekitar, kehidupan keluarga dan persekitaran kerja yang lebih baik. Komponen-komponen ini dinilai berdasarkan rasional pemilihan yang diambilkira dalam indeks ini dan merupakan keperluan asas yang sepatutnya setiap penduduk negara merasainya. Ia juga boleh mengambarkan sejauhmana perbelanjaan kerajaan memainkan peranan dalam memastikan komponen-komponen ini berada dalam indeks yang terbaik dan seterusnya memberi pulangan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Kertas kajian ini akan membincangkan sorotan lepas yang berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan, modal, dan Indeks Kualiti Hidup Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi berdasarkan data dan model yang telah dibentuk, dapatan kajian dan kesimpulan serta seterusnya memberi cadangan terhadap polisi yang telah sedia ada atau penambahbaikkan polisi itu sendiri. Hal demikian boleh menjawab isu-isu yang dibincangkan iaitu adakah

perbelanjaan kerajaan berhubungan positif terhadap pertumbuhan ekonomi atau perbelanjaan kerajaan mempengaruhi Indeks Kualiti Hidup dalam memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, kajian ini adalah mengkaji hubungan perbelanjaan kerajaan dan Indeks Kualiti Hidup terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

## 2. Kajian Lepas

Pertama, kajian berkaitan perbelanjaan kerajaan samada mengikut sektor atau keseluruhan yang memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara. Berdasarkan kesan perbelanjaan awam terhadap 73 negara pada tahun 1970-1989 mendapat wujud asakan luaran yang berlebihan. Menurut bukti yang diperolehi, pengagihan pelaburan awam dan perbelanjaan sosial meningkat dan signifikan (Kelly, 1997). Selain itu, berdasarkan ekonomi Greek selepas ketidakseragaman perbelanjaan kerajaan, laporan membuktikan hubungan pertumbuhan dalam komponen perbelanjaan dan pertumbuhan ekonomi (Alexiou, 2007). Aschauer (1990) juga mendokumentarikan hubungan positif dan signifikan di antara perbelanjaan kerajaan dan tahap output. Jamshaid et al. (2010) memeriksa sifat dan sebab hubungan terus Pakistan di antara perbelanjaan awam: perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan pentadbiran, perkhidmatan hutang, perkhidmatan pertahanan yang menggunakan Ujian penyebab Toda-Yamamoto untuk data tahunan dalam tempoh 1971-2006, mendapat terdapat hubungan satu arah antara pertumbuhan ekonomi dan perbelanjaan kerajaan dan ia disokong oleh Hukum Wagner. Oooke (2009) mengkaji hubungan terus di antara perbelanjaan kerajaan dan pendapatan negara di Nigeria menggunakan data tahun dari tempoh 1970-2005. Keputusan mendapat tiada hubungan jangka panjang di antara perbenanjaan kerajaan dan pendapatan kerajaan kepada pendapatan negara dengan memasukkan perbelanjaan kerajaan memainkan peranan yang signifikan dalam pertumbuhan ekonomi di Nigeria.

Kedua, kajian berkaitan hubungan antara modal kasar pada harga malar terhadap pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan teori, pembentukan modal kasar memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sama ada peningkatan stok modal fizikal dalam hubungan langsung pada ekonomi domestik, Plossner (1992) atau hubungan tidak langsung pada teknologi, Levine dan Renelt (1992). Kajian empirical Hernandez-Cata (2000), Ndikumana (2000), Ben-David (1988), Collier dan Gunning (1999), Ghura dan Hadji Michael (1996), Khan dan Reinhart (1990), dijalankan di Afrika, Asia dan Amerika Latin ditubuhkan, hutang luar, hubungan kritikal antara modal dan pertumbuhan. Bukti ekonometrik, Beddies (1999), Ghura dan Hadjimichael (1996), Ghura (1997) menunjukkan bahawa pembentukan modal swasta mempunyai kesan yang kuat terhadap pertumbuhan berbanding modal kerajaan kerana modal swasta lebih cekap dan kurang dengan rasuah. Teori lain adalah model teori pembentukan modal dan pertumbuhan. Teori ini berdasarkan rangka kerja neoklasik di mana nisbah nilai pasaran saham modal yang sedia ada untuk kos pengantian adalah kunci utama iaitu pelaburan dan pertumbuhan. Galbis (1979:423) menekankan pentingnya pengukuhan kewangan dan kadar faedah tinggi dalam merangsang pertumbuhan.

Ketiga, kajian mengaitkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) terhadap pertumbuhan ekonomi. KDNK per kapita paling biasa digunakan sebagai petunjuk untuk membandingkan

kekayaan di antara negara dan ia juga mengukur kesejahteraan dan pembangunan berasaskan material kekayaan. Walau bagaimanapun, pendapatan yang tidak mencukupi adalah satu dimensi di bawah pembangunan, maka pembangunan tidak boleh difahami dengan hanya mengambil kira prestasi ekonomi. Pada tahun 1970, petunjuk ekonomi telah dibina sebagai alternatif kepada KDNK per kapita di mana telah dikritik sebagai tidak menilai aspek pengagihan atau dimensi sosial dan kebajikan manusia (Desai, 1991). Easterly (2202), yang melihat ketidaksamaan sebagai halangan kepada kemakmuran dan pertumbuhan manakala Pritchett, Suryahadi, dan Sumarto (2000), menggunakan data isi rumah dengan melihat kelemahan kemiskinan. Indeks Kesejahteraan Ekonomi yang dicadangkan oleh Osberg dan Sharpe (1998) adalah sama, walupun ia juga mengambil kira aspek ekonomi yang diabaikan oleh KDNK per kapita (seperti saham pengeluaran, pengagihan pendapatan yang tidak sama rata dan ketidak pastian mengenai pendapatan masa hadapan). McGillivray (1991) dan White (1993) menunjukkan lebihan antara HDI dan komponennya di mana HDI adalah satu indeks yang berlebihan di mana signifikan yang tinggi dengan KDNK per kapita dan ia dapat menjelaskan hujah tentang kedudukan antara negara yang berbeza.

### **3. Data Dan Metodologi**

Data kajian ini merangkumi satu set data tahunan Malaysia dalam tempoh 31 tahun dari tahun 1980 hingga 2010. Data sekunder ini diperolehi daripada Data Bank Dunia dan Jabatan Penerangan Malaysia. Antara pembolehubah yang digunakan ialah pertumbuhan ekonomi, perbelanjaan kerajaan, modal tetap dan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM). Terdapat beberapa pemboleh ubah yang ditansformasikan dalam bentuk logaritma supaya data ke semua pemboleh ubah adalah seragam iaitu dalam bentuk peratus iaitu perbelanjaan kerajaan (bentuk asal dalam ringgit Malaysia) dan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (bentuk asal dalam mata).

Pertumbuhan ekonomi pula adalah KDNK yang telah dihitung pada harga benar selepas didorong oleh peningkatan produktiviti dalam negara. KDNK pada harga benar dihitung pada satu tingkat yang tidak berubah dengan erti kata lain adalah mengikut tahun asas. Data perbelanjaan kerajaan pula, mengambilkira keseluruhan jumlah perbelanjaan iaitu perbelanjaan mengurus, pembangunan, sosial, keselamatan dan pentadbiran. Modal pula diambil daripada pembentukan modal tetap kasar iaitu pada harga malar. Akhir sekali adalah Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) mengambil data indeks komposit iaitu merangkumi 11 komponen yang diambil secara purata. Data indeks ini mengambilkira tahun asas bagi setiap 10 tahun dan diukur unit mata.

Terdapat empat kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Pertama, statistik diskriptif digunakan untuk menentukan sifat agihan data. Kedua, Ujian Unit Root yang terdiri dari Ujian Augmented Dicker Fuller (ADF) dan Phillip-Pheron (PP) digunakan untuk melihat kepegunaan data. Ketiga, Ujian Pekali Korelasi untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah. Terakhir, Ujian Sebab Penyebab Granger untuk melihat arah sebab penyebab sama ada satu arah atau dua arah antara pemboleh ubah.

Model bentuk linear dapat diterbitkan iaitu:

$$GDP = \beta_0 + \beta_1 \ln KP + \beta_2 \ln CAP + \beta_3 \ln QLI + \epsilon$$

Di mana :

- b0                   = penganggar  $\beta_0$   
 GDP                  = Kadar Pertumbuhan KDNK per kapita (peratusan tahunan)  
 KP                   = Perbelanjaan Kerajaan (Ringgit Malaysia)  
 CAP                  = Modal Tetap Kasar (peratusan tahunan)  
 QLI                  = Indeks Kualiti Hidup Malaysia (Indeks)  
 E                     = Pembolehubah rawak

#### **4. Dapatkan Kajian**

Jadual 1 menunjukkan statistik diskriptif bagi semua pembolehubah. Statistik yang diperolehi menunjukkan semua siri bukan normal sebagai nilai kepencongan untuk GDP, CAPITAL, LKP, dan LQLI ialah -1.651122, -1.169218, 0.318620, dan -0.690571 iaitu membuktikan bahawa nilai diagihkan secara condong. Manakala nilai kurtosis pula bagi GDP, CAPITAL, LKP, dan LQLI ialah 5.684577, 5.424754, 1.812565, dan 2.756199 menunjukkan bahawa nilai-nilai tersebut adalah pengedaran leptokurtik.

**Jadual 1: Statistik Diskriptif**

	GDP	CAPITAL	LKP	LQLI
Mean	6.017214	7.427358	10.95669	4.608937
Median	6.783438	8.026110	10.83218	4.624581
Maximum	10.00270	28.02031	12.27101	4.717606
Minimum	-7.359415	-42.96597	9.784817	4.456902
Std. Dev.	3.965596	14.91878	0.747666	0.062658
Skewness	-1.651122	-1.169218	0.318620	-0.690571
Kurtosis	5.684577	5.424754	1.812565	2.756199
Jarque-Bera	23.39436	14.65747	2.345769	2.540697
Probability	0.000008	0.000656	0.309473	0.280734

Sum	186.5336	230.2481	339.6573	142.8770
Sum Sq. Dev.	471.7785	6677.102	16.77014	0.117779
Observations	31	31	31	31

Kedua, memastikan kepegunaan siri masa bagi semua data pembolehubah iaitu menggunakan ujian ADF dan PP. Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan nilai yang diperolehi lebih kecil dari nilai kritikal pada aras keertian 1% yang membawa kepada penolakan hipotesis nol. Kesimpulannya, semua data siri masa pembolehubah pegun pada perbezaan pertama iaitu ujian Kointegrasi Johansen boleh digunakan untuk menentukan hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah tersebut.

#### **Jadual 2: Ujian Unit Root**

Pembolehubah	Ujian Statistik ADL		Ujian Statistik PP	
	Pada Aras	Perbezaan Pertama	Pada Aras	Perbezaan Pertama
GDP	-4.372***	-6.711*	-4.384*	-13.383*
LNKP	-3.462***	-3.437**	-1.721	-4.941*
CAP	-3.601**	-6.094*	-3.535***	-10.949*
LNQLI	-2.498	-5.113*	-2.498	-5.113*

Nota menunjukkan \* signifikan pada 1%, \*\* signifikan pada 5%, dan \*\*\* signifikan pada 10%.

Ujian Kointegrasi Johansen digunakan bagi menentukan sama ada wujud hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan terdapat dua vektor kointegrasi pada aras keertian 5%. Maka, persamaan jangka panjang seperti berikut:

$$GDP = -54.75544 + 0.180130(CAPITAL) - 1.538034(LNKP) + 16.43458(LNQLI)$$

$$(0.02040) \quad (0.02040) \quad (0.56598)$$

$$(6.70918)$$

Persamaan jangka panjang tersebut menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi dan lain-lain pemboleh ubah mempunyai hubungan antara pemboleh ubah. Oleh itu, wujud hubungan positif antara pemboleh ubah KDNK dan modal tetap kasar dan Indeks Kualiti Hidup manakala pertumbuhan KDNK berhubungan negatif dengan perbelanjaan.

**Jadual 3: Ujian Kointegrasi Johansen**

Unrestricted Cointegration Rank Test (Trace)				
Hypothesized		Trace	0.05	
No. of CE(s)	Eigenvalue	Statistic	Critical Value	Prob.**
None *	0.616781	68.63692	54.07904	0.0015
At most 1 *	0.524377	40.82160	35.19275	0.0111
At most 2	0.430615	19.27080	20.26184	0.0680
At most 3	0.096349	2.938045	9.164546	0.5923

Trace test indicates 2 cointegrating eqn(s) at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

Jadual 4 menunjukkan keputusan berdasarkan ujian sebab penyebab Granger yang telah dilakukan iaitu terdapat sebab penyebab Granger satu arah antara pertumbuhan KDNK sebagai penyebab kepada Indeks Kualiti Hidup, modal tetap kasar sebagai penyebab kepada perbelanjaan kerajaan, dan akhir sekali modal tetap kasar sebagai penyebab kepada Indeks Kualiti Hidup.

**Jadual 4: Ujian Sebab Penyebab Granger**

Hipotesis Nol	F- Statistik	Kebarangkalian	Sebab Penyebab Arah
CAPITAL does not Granger Cause GDP	1.33543	0.2819	Tiada Arah
GDP does not Granger Cause CAPITAL	2.10857	0.1433	
LKP does not Granger Cause GDP	0.44679	0.6449	Tiada Arah
GDP does not Granger Cause LKP	1.49108	0.2453	

LQLI does not Granger Cause GDP	0.52493	0.5982	Satu Arah
GDP does not Granger Cause LQLI	4.82162	0.0174**	
LKP does not Granger Cause CAPITAL	0.19860	0.8212	Satu Arah
CAPITAL does not Granger Cause LKP	3.46141	0.0478**	
LQLI does not Granger Cause CAPITAL	0.97254	0.3925	Satu Arah
CAPITAL does not Granger Cause LQLI	2.77675	0.0823***	
LQLI does not Granger Cause LKP	2.44296	0.1082	Tiada Arah
LKP does not Granger Cause LQLI	1.28032	0.2963	

Nota menunjukkan \*\* signifikan pada 5%, dan \*\*\* signifikan pada 10%.

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pemboleh ubah menunjukkan sebab penyebab satu arah sahaja antara pemboleh ubah. Walaubagaimana pun, berdasarkan persamaan jangka panjang menunjukkan hanya Indeks Kualiti Hidup dan modal mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Perbelanjaan pula berhubungan negatif, di mana hasil regresi ini adalah bertepatan dengan hasil kajian oleh Choong et al. (2010). Bajet defisit merujuk kepada jurang antara aliran hasil kerajaan dan perbelanjaan tahunan. Kesan bajet defisit ke atas KDNK adalah menyebabkan tabungan awam defisit dan ini akan menyebabkan kerajaan meningkatkan pinjaman daripada sektor swasta dan kerajaan juga meminjam daripada orang ramai selain daripada pelabur luar negara dan pasaran kewangan.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan mungkin menjadi isu sekiranya kerajaan tidak mengagihkan dengan sebaik-baik terutamanya melibatkan pembangunan atau projek-projek yang dilaksanakan. Ia penting agar pembangunan akan menjadi penyuntik kepada pertumbuhan ekonomi. Maka, kerajaan perlu menyediakan kerangka pembangunan yang jelas bersama jentera yang baik bagi memastikan hanya projek yang mempunyai keutamaan kepada masyarakat dan pertumbuhan ekonomi diberi kewajaran. Selain itu, modal juga dilihat penting bagi memastikan kerajaan mempunyai cukup dana dalam mengurus dan membelanjakan dalam pembangunan negara. Sewajarnya, kerajaan harus mengurangkan hutang kerajaan bagi

melestarikan dan mensejahterakan kehidupan masyarakat. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa indikator yang membentuk 11 komponen dalam meletakkan indeks kualiti hidup masyarakat. Oleh sebab itu, setiap boleh ubah yang dikaji perlulah seiring bagi memastikan tiada kebocoran dalam perbelanjaan kerajaan, modal yang mencukupi, indeks kualiti yang lebih baik dan akhirnya memberi peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi negara saban tahun menjelang negara berstatus maju berpendapatan tinggi tahun 2020.

## Rujukan

- Bakare, A.S. (2011). A Theoretical Analysis of Capital Formation and Growth in Nigeria. *Far East Journal of Psychology and Business*, Vol.3. No1. Universiti Adekunle Ajasin.
- Alexiou, C. (2009). Government Spending and Economics Growth: Econometric Evidence from the South Eastern Europe. *Journal of Economic and Social Research* 11(1): 1-16.
- Collier, P. & Gunning, J.W. (1999). Explaining African Economic Performance. *Journal of Economic Literature*, 37, March, pp.64- 111.
- Jamshaid, R, Iqbal, A. & Siddiqi, M. (2010). Cointegration-Causality Analysis between Public Expenditures and Economic Growth in Pakistan, *European Journal of Social Sciences*, Vol.13, No 4: 556-565.
- Kelly, T. (1997). "Public Expenditures and Growth." *Journal of Development Studies* 34: 60-84.
- McGillivray, M. (2005). Measuring non-economic wellbeing achievement. *Review of Income and Wealth*, 51(2): 337–364.
- McGillivray, M., & White, H. (1993). Measuring development? The UNDP's human development index. *Journal of International Development*, 5(2): 183–192.
- Norain, Zyadi, M., & Wook. (2010). Komposisi perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi: kajian empirikal di Malaysia.
- Lee, S.P. & Ng, Y.L. (2015). Public Debt and Economic Growth in Malaysia. *Asian Economic and Financial Review*, 2015, 5(1): 119-126.
- Omoke, P. (2009). Government Expenditure and National Income: A Causality Test for Nigeria, *European Journal of Economic and Political Studies*, Vo. 2: 1-11.
- .
- Berenger, V. & Audrey. (2006). Multidimensional Measures of Well-Being: Standard of Living and Quality of Life Across Countries. *African Development Bank*, Vol7: 1259-1276.